



## **Fakulti Seni Gunaan Dan Kreatif**

**PERUBAHAN DAN CABARAN ADAT ISTIADAT  
PERKAHWINAN MASYARAKAT SUNGAI:  
KAJIAN KES DI KAMPUNG PENANGAH, SABAH.**

**Ronley Saringan**

**Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian  
( Pengurusan Seni )  
2007**

**PERUBAHAN DAN CABARAN ADAT ISTIADAT PERKAHWINAN  
MASYARAKAT SUNGAI.  
KAJIAN KES DI KAMPUNG PENANGAH, SABAH.**

**RONLEY SARINGAN**

Projek ini merupakan salah satu keperluan untuk  
Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian  
(Pengurusan Seni )

Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif  
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

2007

**UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK**

**BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS / LAPORAN**

**JUDUL:** **PERUBAHAN DAN CABARAN ADAT ISTIADAT PERKAHWINAN MASYARAKAT SUNGAI.**  
**KAJIAN KES DI KAMPUNG PENANGAH, SABAH.**

**SESI PENGAJIAN : 2004 / 2007**

Saya **RONLEY SARINGAN**

mengaku membenarkan tesis / laporan \* ini disimpan di Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis / Laporan adalah hakmilik Universiti Malaysia Sarawak.
2. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat pendigitan untuk membangunkan Pangkalan Data Kandungan Tempatan.
4. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat salinan tesis / laporan ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
5. \* sila tandakan

**SULIT**

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan seperti termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

**TERHAD**

(Mengandungi maklumat Terhad yang telah ditentukan oleh Organisasi / badan di mana penyelidikan dijalankan)

**TIDAK TERHAD**

Disahkan

---

Tandatangan Penulis

Tarikh :

Alamat Tetap :

St. John Penangah, P.O.Box 105,  
89300 Telupid, Sandakan,  
Sabah.

---

Tandatangan Penyelia

Tarikh :

**Catatan :** \* Tesis / Laporan dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah, Sarjana Muda

\* Jika Tesis / Laporan ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa / organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis / laporan ini perlu dikelaskan sebagai SULIT atau TERHAD.

## **PENGAKUAN**

Projek bertajuk “**Perubahan dan Cabaran Adat Istiadat Perkahwinan Masyarakat Sungai. Kajian Kes Di Kampung Penangah, Sabah**” telah disediakan oleh **Ronley Saringan** dan telah diserahkan kepada Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian **Pengurusan Seni**.

Diterima untuk diperiksa oleh:

---

(Puan Qistina Donna Lee Abdullah)

Tarikh:

## PENGHARGAAN

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah membantu saya semasa kajian ini dijalankan sehingga selesai. Pertama sekali kepada penyelia saya Puan. Quistina Donna Lee Abdullah yang banyak memberi bimbingan, tunjuk ajar dan teguran yang membina dalam usaha saya membuat kajian ini. Diatas usaha beliau yang tidak pernah jemu itu, sekali lagi saya mengucapkan ribuan terima kasih.

Ucapan terima kasih juga saya tujuhan kepada penduduk Kampung Penangah, Alitang, Diwara dan Malikup yang memberikan kerjasama kepada saya ketika membuat kajian ini. Tanpa kerjasama daripada penduduk kampung, kajian ini tidak mungkin selesai sebagaimana yang ada.

Selain itu, ucapan terima kasih dan penghargaan ini saya tujuhan khusus kepada Rev. Musa Ambai, En. Saringan Jambai, En. Osmon Lutiam dan En. Sidrecce Tithoh yang telah banyak memberikan keterangan tentang maklumat tambahan yang diperolehi sama ada yang berbentuk cerita asal-usul, adat istiadat Masyarakat Sungai atau sejarah Kampung Penangah.

Akhir sekali, saya mengucapkan terima kasih kepada ahli keluarga dan rakan-rakan saya yang tidak pernah jemu memberi semangat dan menyokong saya dari segi kewangan dan juga motivasi untuk terus berusaha bersungguh-sungguh dalam menyelesaikan kajian ini.

**ISI KANDUNGAN****MUKA SURAT**

Halaman Tajuk	i
Borang Pengesahan	ii
Pengakuan	iii
Penghargaan	iv
Isi Kandungan	v-vi
Senarai Jadual	vii
Senarai Rajah	viii
Abstrak	ix
<i>Abstract</i>	x

**BAB 1 PENGENALAN**

1.1 Pengenalan	1-2
1.2 Definisi	
1.2.1 Adat	3-4
1.2.2 Cabaran	4
1.2.3 Perkahwinan	5
1.2.4 Perubahan	6
1.3 Objektif / Tujuan	7-8
1.4 Hipotesis	9
1.5 Skop Kajian	9
1.6 Permasalahan Kajian	10
1.7 Kepentingan Kajian	11-12
1.8 Kesimpulan	12

## **BAB 2 SOROTAN KESUSASTERAAN**

2.1 Pengenalan	13
2.2 Perubahan Budaya	14-16
2.3 Adat Istiadat Perkahwinan	16-18
2.4 Sejarah Orang Sungai	18-19
2.5 Kesimpulan	20

## **BAB 3 METODOLOGI KAJIAN**

3.1 Pengenalan	21
3.2 Lokasi Kajian	22-23
3.3 Sumber Data	24-28
3.3.1 Data Primer	
3.3.2 Data Sekunder	
3.4 Populasi	29-30
3.5 Persempelan	30
3.6 Instrumen Kajian	31-32
3.7 Limitasi Kajian	33
3.8 Kesimpulan	34

## **Bab 4 ANALISA DAN HASIL DAPATAN KAJIAN**

4.1 Pengenalan	35
4.2 Penganalisaan Data	
4.2.1 Borang Soal Selidik	36-59
4.2.1.1 Latarbelakang Responden	
4.2.1.2 Amalan Adat Istiadat Perkahwinan	
4.2.1.3 Perubahan Adat Istiadat Perkahwinan	
4.2.1.4 Cadaran-Cabarhan	
4.2.1.5 Cadangan	
4.2.2 Temuramah	60-92
4.2.2.1 Daerah Tongod	
4.2.2.2 Kampung Penangah	
4.2.2.3 Adat Istiadat Perkahwinan	
4.2.2.4 Sistem Berian atau “Buru	
4.2.2.5 Pakaian	
4.2.2.6 Adat dan Pantang Larang	
4.2.2.7 Perubahan Dalam Adat istiadat Perkahwinan	
4.2.2.8 Cabaran-Cabarhan	
4.3 Kesimpulan	93

## **Bab 5 CADANGAN DAN RUMUSAN KAJIAN**

5.1 Pengenalan	94
5.2 Rumusan	95-97
5.3 Cadangan	97-99
5.4 Cadangan Untuk Pengkaji Akan Datang	100-101
5.5 Kesimpulan	102
Bibliografi	103-105
Lampiran	
Borang Soal Selidik	106-114
Skrip Temuramah	115-120
Gambar Perkahwinan	121-128

## **SENARAI JADUAL**

Jadual 1: Umur Responden

Jadual 2: Agama Responden

Jadual 3: Responden yang Menggunakan Adat Istiadat Perkahwinan Orang Sungai.

Jadual 4: Responden yang mengatakan adat istiadat perkahwinan

Orang Sungai masih sesuai di gunakan pada zaman moden.

Jadual 5: Responden yang mengatakan berlaku perubahan dalam upacara perkahwinan.

Jadual 6: Responden yang mengatakan berlaku perubahan sistem berian atau buru dalam perkahwinan.

Jadual 7: Responden yang mengatakan berlaku perubahan dalam pakaian perkahwinan.

Jadual 8: Responden yang mengatakan berlaku perubahan dalam pantang larang perkahwinan.

Jadual 9: Sebab-Sebab Perubahan

Jadual 10: Cabaran-Cabaran yang dihadapi oleh Orang sungai

## **SENARAI GAMBARAJAH**

Rajah 1: Peta Sabah

Rajah 2: Graf Bar Umur Responden

Rajah 3: Graf Bar Agama Responden

Rajah 4: Graf Bar responden yang menggunakan Adat Istiadat Perkahwinan Orang Sungai

Rajah 5: Carta Pai responden yang mengatakan adat istiadat perkahwinana Orang Sungai masih sesuai di gunakan pada zaman moden.

Rajah 6: Graf Bar responden yang mengatakan berlaku perubahan dalam upacara perkahwinan.

Rajah 7: Graf Bar responden yang mengatakan berlaku perubahan sistem berian atau buru dalam perkahwinan.

Rajah 8: Graf Bar responden yang mengatakan berlaku perubahan dalam pakaian perkahwinan.

Rajah 9: Carta Pai responden yang mengatakan berlaku perubahan dalam pantang larang perkahwinan.

Rajah 10: Carta Pai Cabaran-Cabaran yang dihadapi oleh Orang Sungai.

Rajah 11: Cabaran-Cabaran yang dihadapi oleh Orang Sungai.

## **Abstrak**

Kajian ini dijalankan untuk mengkaji perubahan dan cabaran dalam adat istiadat perkahwinan Masyarakat Sungai yang terdapat di Daerah Tongod iaitu di Kampung Penangah, Sabah. Kajian ini menerangkan adat istiadat perkahwinan yang diamalkan oleh Masyarakat Sungai yang merangkumi beberapa peringkat iaitu merisik, pertunangan, hari persandingan, sistem berian, pakaian pengantin dan pantang larang yang digunakan oleh Masyarakat Sungai dalam proses upacara perkahwinan. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengenalpasti perubahan-perubahan yang berlaku di dalam adat istiadat perkahwinan disamping membincangkan cabaran-cabaran yang dihadapi oleh Masyarakat Sungai dalam mengekalkan pengamalan adat istiadat perkahwinan pada zaman moden ini.

## **Abstract**

This research focuses on the changes in the marriage customs of Sungai Community in Tongod District especially at Kampung Penangah, Sabah. This research looks at practices in Sungai marriage customs such as Merisik, Pertunangan, Hari Persandingan, Sistem Berian, Pakaian Pengantin and Pantang Larang. The researcher also would like to identify changes in the marriage customs of the Sungai community,besides studying the challenges face by the community in preseving these traditional customs in the moden era.

## **BAB 1 : PENGENALAN**

### **1.1 PENGENALAN**

Masyarakat Sungai merupakan salah satu daripada etnik yang terdapat di negeri Sabah. Masyarakat Sungai ini dikenali sempena dengan tempat tinggal tradisi mereka iaitu tinggal di pinggir-pinggir sungai. Kebanyakkan Orang Sungai terdapat di Bahagian Sandakan iaitu di Daerah Kinabatangan, Beluran dan Tongod serta terdapat sebilangan kecil di Daerah Kudat. Menurut R. Jalimin Jainin, etnik “Sungai” ini lahir sempena dengan nama-nama sungai yang di duduki mereka dan nama “sungai” itu diambil dari nama tasik atau sungai yang besar di zaman nenek moyang mereka dahulu. Sungai Kinabatangan, Sungai Paitan dan Sungai Labuk merupakan tempat tinggal Masyarakat Sungai.

Masyarakat Sungai di Daerah Tongod terdiri daripada sub etnik iaitu Kalabuan, Makiang, Rumanau dan Sinabu yang tinggal di pinggir Sungai Kinabatangan. Masyarakat Sungai masih lagi mengamalkan cara hidup lama iaitu bercucuk tanam dan nelayan namun terdapat anak-anak mereka yang berpelajaran dan bekerja di jabatan-jabatan kerajaan. Seperti etnik Kadazandusun, Bajau, Murut dan sebagainya, Masyarakat Sungai juga mempunyai adat dan kebudayaan tradisinya yang tersendiri. Namun begitu, dalam konteks kajian ini penyelidik hanya mengkaji adat istiadat perkahwinan Masyarakat Sungai di kampung Penangah sahaja.

Perkahwinan dalam konteks Masyarakat Sungai merupakan satu kewajipan bagi seseorang yang telah dewasa dan mesti dilakukan menggunakan adat istiadat perkahwinan Orang Sungai. Soal perkahwinan biasanya memakan masa yang lama kerana terdapat beberapa peringkat amalan tradisi yang harus dilalui. Kebiasaan dalam Masyarakat Sungai, seseorang yang telah berkahwin akan dianggap orang yang telah dewasa dan matang serta boleh diajak berbincang dalam sesuatu perundingan. Ini menunjukkan bahawa apabila seseorang itu telah berkahwin, kita dapat melihat berlaku perubahan pada status dan peranan seseorang itu. Dimana, individu itu mempunyai tugas dan tanggungjawab yang lebih besar khususnya dalam keluarga dan masyarakat amnya.

Namun begitu, adat perkahwinan Masyarakat Sungai tidak terkecuali daripada mengalami perubahan seperti yang dialami oleh etnik- etnik lain seperti Kadazandusun, Murut, Bajau dan sebagainya dari semasa ke semasa. Perubahan ini menunjukkan bahawa budaya itu bukanlah sesuatu yang kekal atau statik tetapi mengalami perubahan secara-cara perlahan-lahan tanpa di sedari oleh pengamalnya. Faktor pembangunan dan modenisasi yang berlaku di negara ini telah memberi kesan terhadap budaya Masyarakat Malaysia amnya. Faktor tersebut bukan sahaja membawa perubahan tetapi juga mewujudkan pelbagai cabaran yang harus di tempuh oleh Masyarakat Sungai dalam pengekalan dan pengamalan adat istiadat perkahwinan.

## **1.2 DEFINISI**

### **1.2.1 Adat**

Adat merupakan suatu bentuk tingkahlaku dan cara manusia berfikir yang telah wujud dan diamalkan sebegini lama sehingga dianggap sebagai satu tradisi termasuk di dalam konsep ini ialah cara hidup sehari-hari dan pola-pola budaya yang jelas dilihat melalui kekerapan amalannya. Melalui definisi tersebut, sebelum sesuatu tingkahlaku itu menjadi adat dan tradisi, tingkalaku tersebut mestilah diperakui, diamalkan dan seterusnya diperturunkan kepada generasi-generasi yang berikutnya. Adakalanya penerimaan sesuatu amalan itu di perteguhkan lagi oleh hukum-hukum adat mereka yang melanggar adat akan didenda atau dikenakan isbal sosial atau hukuman.(Norazit Selat, 1989).

Adat merupakan peraturan atau cara-cara melakukan sesuatu yang menjadi kebiasaan majlis rasmi untuk menyambut sesuatu peristiwa seperti pertabalan, perkahwinan dan suatu pertalian tingkalaku yang melibatkan makna simbolik yang digunakan untuk memperingatkan satu-satu kerajinan manusia atau benda. Ia khususnya mempunyai fungsi sebagai menguatkan nilai-nilai tertentu yang ditegaskan oleh kebudayaan. (Mohd Fuad Abdullah, 1989).

Adat resam adalah tabiat, amalan sopan santun dan kebiasaan yang sesetengahnya dimanifestasikan dalam bentuk upacara. Adat resam merupakan perencah kehidupan sesebuah masyarakat dan sebahagian kebudayaan memberi ciri dan identiti kepada sesuatu komuniti atau kelompok manusia. Adat tersebut diwarisi dan sentiasa mengalami perubahan serta dikaitkan dengan peraturan dan pantang larang yang dijelmakan dalam pelbagai peringkat kitaran dalam hidup manusia seperti kelahiran, perkhatanan, petunangan dan perkahwinan, kematian juga dikaitkan dengan kegiatan ekonomi dan lain-lain lagi.(Kathi Galis,1990)

### **1.2.2 Cabaran**

Menurut Ismail Zain (2003) cabaran ialah *A situation or difficulty that tests one's ability to do something* ataupun satu situasi atau kesukaran yang menguji kebolehan kita membuat sesuatu. Melalui definisi di atas maka kita dapat bahawa cabaran itu sebenarnya satu situasi atau kesukaran yang perlu kita tempuh. Jika sesuatu situasi itu tidak ada kesukaran maka ianya bukanlah cabaran. Manakala yang lebih penting lagi kesukaran yang dilalui itu haruslah mempunyai ciri-ciri untuk menguji diri seseorang individu ataupun sesuatu komuniti untuk bertindak membuat sesuatu.

### **1.2.3 Perkahwinan**

Menurut Robiah K. Hamzah (2001), Perkahwinan adalah penyatuan atau cantuman dua personaliti yang berbeza dengan tujuan untuk mencapai peningkatan kematangan dan kegembiraan untuk menyambut seruan Allah bagi menambahkan zuriat di muka bumi.

Perkahwinan adalah sebagai suatu kebiasaan atau peraturan yang diamalkan oleh sesetengah masyarakat bersabit dengan kesatuan diantara lelaki dan perempuan. Segala kebiasaan dan peraturan ini bersesuaian dengan pengertian adat tersebut supaya keadaan masyarakat ini seimbang dan terhindar dari malapetaka dan bencana alam.(Kahti Galis, 1990: 30).

Mengikut Lucy Mair(1965), perkahwinan merupakan penyatuan seorang lelaki dengan perempuan dan zuriat yang dilahirkan oleh si perempuan diakui sebagai anak kepada kedua-dua pihak. Perkahwinan boleh juga ditafsirkan sebagai penerimaan masyarakat terhadap hak seorang lelaki dan perempuan untuk tinggal bersama sebagai suami isteri.

#### **1.2.4 Perubahan**

Gerth dan Mills (dalam Rohana Yusof 1997: 262), perubahan sosial adalah suatu proses yang berlaku berdasarkan urutan masa terhadap peranan dan institusi sesuatu sistem sosial. Menurutnya lagi, perubahan di sifatkan sebagai ke arah kemunculan, kemerosotan ataupun pertumbuhan sesuatu sistem sosial seperti perkahwinan.

Norazit Selat(1989), evolusi atau perubahan bermaksud perubahan dan kemajuan daripada satu tahap ke satu tahap yang lain yang telah dicapai oleh manusia. Namun begitu, tajuk ini menjadi perbincangan oleh para pengkaji seperti Morgan, Tylor dan Spencer pada abad ke sembilan belas. Mereka ingin mengetahui bagaimanakah masyarakat berkembang daripada satu organisasi kecil dan mudah kepada satu organisasi yang lebih besar dan kompleks.

Menurut Wilbert E.Moore (1986), perubahan melibatkan pengertian terhadap perbezaan antara masa dahulu dengan masa kemudian. Dimana, beliau telah membuat perbandingan diantara masa dahulu dan sekarang. Ungkapan tersebut yang memperkenalkan jenis perbandingan yang sah atau yang di titikberatkan antara masyarakat sekarang yang indah dengan masyarakat dahulu yang pahit atau masyarakat yang dahulu yang agung dengan masyarakat sekarang yang mundur.

### **1.3 OBJEKTIF/ TUJUAN**

Kajian ini bertujuan meninjau dan mengemukakan satu analisis etnografi mengenai adat yang diamalkan oleh Masyarakat Sungai. Menurut Norazit Selat, etnografi adalah satu aspek di dalam kajian antropologi yang mengkaji kebudayaan atau cara hidup sesuatu masyarakat secara deskripsi yang mana aspek ini mementingkan struktur daripada analisis makna kebudayaan yang terdapat di dalam masyarakat tersebut. Oleh yang demikian, melalui kajian yang dijalankan, tinjauan ini akan cuba untuk mengemukakan pola-pola umum dalam adat istiadat perkahwinan Masyarakat Sungai berhubung dengan aspek perkahwinan.

Selain itu, kajian ini juga bertujuan untuk menilai sejauhmanakah pengamalan adat istiadat perkahwinan Orang Sungai pada masa kini. Persoalan, sama ada adat istiadat perkahwinan masih diamalkan secara aktif atau tidak dan adakah ianya mengalami perubahan. Hal ini kerana, peredaran masa yang telah berlaku telah menyebabkan pelbagai perubahan dan perkembangan telah berlaku di negara ini amnya dan khususnya di Kampung Penangah. Salah satu aspek yang telah menerima kesan yang paling besar kepada masyarakat hari ini adalah aspek seni dan budaya. Terdapat banyak kebudayaan dan kesenian yang telah pupus akibat daripada kesan pengaruh budaya asing dan arus pembangunan pada masa kini. Oleh itu, kajian ini akan mengungkapkan perubahan-perubahan yang telah berlaku dan juga sebab-sebab perubahan dalam adat istiadat perkahwinan Orang Sungai.

Di samping itu, mengenalpasti cabaran yang dihadapi oleh Masyarakat Sungai dalam pengekalan dan pengamalan adat istiadat perkahwinan tersebut juga merupakan objektif kepada kajian ini. Pengenalpastian terhadap cabaran yang dihadapi oleh Orang Sungai akan membolehkan Masyarakat Orang Sungai melakukan sesuatu yang boleh mempertahankan adat istiadat tersebut daripada lopus di telan zaman. Dalam pada itu, Orang Sungai juga boleh merancang lebih awal untuk persediaan kepada cabaran yang akan ditempuhi pada masa akan datang.

## **1.4 HIPOTESIS KAJIAN**

Modenisasi yang berlaku di negara Malaysia telah menyebabkan berlaku perubahan atau evolusi dalam sistem perkahwinan Masyarakat Sungai khususnya adat istiadat perkahwinan.

## **1.5 SKOP KAJIAN**

Fokus kajian ini adalah untuk mengetahui adat istiadat perkahwinan Masyarakat Sungai dan seterusnya menilai sejauhmana adat istiadat perkahwinan tersebut masih dipraktikkan dalam abad ke-21 kini. Adat istiadat perkahwinan yang dimaksudkan meliputi upacara perkahwinan, sistem berian, pakaian dan pantang larang yang diamalkan oleh Masyarakat Sungai dalam proses perkahwinan. Kajian ini juga merangkumi perubahan-perubahan yang berlaku dan cabaran-cabaran yang dihadapi oleh Orang Sungai dalam pengekalan dan pengamalan adat istiadat tersebut.

Namun begitu, kajian ini hanya melibatkan Masyarakat Sungai yang bermastautin di Mukim Penangah yang terletak di Daerah Tongod, Sabah. Walau bagaimanapun, skop kajian secara langsung meliputi bandar Sandakan dan Pekan Tongod kerana ramai penduduk Kampung Penangah yang bekerja dan tinggal di bandar Sandakan khususnya generasi muda.

## **1.6 PERMASALAHAN KAJIAN**

Pada masa kini, berlaku fenomena hakisan nilai dan budaya bangsa. Fenomena ini bukan sahaja berlaku di negara ini tetapi juga di negara-negara lain yang sedang membangun. Fenomena ini menyebabkan berlaku penyerapan dan asimilasi terhadap sesuatu kebudayaan bangsa lain. Dalam konteks kajian ini, keunikan dan ketulenan adat istiadat yang diamalkan oleh Masyarakat Sungai terhakis disebabkan oleh pembangunan dan proses modenisasi yang pesat berlaku di negara ini. Oleh itu, timbul pelbagai persoalan mengenai adat istiadat yang diamalkan oleh Masyarakat Sungai. Apakah dan mengapakah hal tersebut berlaku? Sejauhmanakah adat istiadat perkahwinan Masyarakat Sungai dianggap relevan dan masih diamalkan dalam Masyarakat Sungai yang semakin maju atau moden? Kesemua permasalahan ini akan diungkap, dikaji, di analisis dan seterusnya dijawab dalam penyelidikan yang bertajuk “Perubahan dan Cabaran Adat Istiadat Perkahwinan Masyarakat Sungai: Kajian Kes Di Kampung Penangah, Sabah”

## **1.7 KEPENTINGAN**

Kajian ini dapat merekodkan beberapa aspek seni dan kebudayaan yang masih diamalkan oleh Masyarakat Sungai di Kampung Penangah sebelum ianya luput dari amalan dan ingatan oleh ahli-ahli Masyarakat Sungai umumnya. Keinginan ini timbul kerana pengkaji menyedari bahawa amalan-amalan adat tersebut kian luput di tinggalkan oleh generasi muda masa kini. Ini adalah akibat daripada pertembungan dan penyerapan budaya asing ke dalam kebudayaan masyarakat ini. Oleh itu, secara tidak langsung aktiviti pemeliharaan dan pemuliharaan dapat dijalankan melalui kajian ini.

Selain itu, kajian ini juga akan dapat menambahkan bahan rujukan mengenai Orang Sungai dan aspek yang dikaji kepada kerajaan, pihak swasta, penyelidik dan pelajar khususnya pelajar dari Institusi Pengajian Tinggi(IPT). Sehingga kini, belum terdapat kajian ilmiah yang dijalankan terhadap Masyarakat Sungai dalam aspek adat istiadat perkahwinan masyarakat ini. Walaupun demikian, terdapat beberapa kajian yang dilakukan mengenai Orang Sungai tetapi hanya sepintas lalu dan tidak menyentuh aspek adat istiadat perkahwinan secara mendalam dan terperinci.

Di samping itu, kajian ini juga penting sebagai panduan dan untuk memberi pengetahuan serta kesedaran kepada generasi muda Masyarakat Sungai bahawa mereka juga mempunyai tanggungjawab dalam memelihara dan memulihara adat istiadat perkawinan Masyarakat Sungai daripada lopus. Hal ini kerana, terdapat anak muda Masyarakat Sungai yang tidak mengetahui adat istiadat perkahwinan Orang Sungai walaupun mereka tinggal di kampung tersebut dan hidup bersama-sama